

SOALAN-SOALAN LAZIM (FAQ) TEKA TEKAN

NO	SOALAN	KETERANGAN
1.0	PENGENALAN RANCANGAN TEKA TEKAN	
1(a)	Apakah Rancangan Teka Tekan?	<p>Rancangan Teka Tekan adalah sebuah rancangan interaktif PERTAMA di Malaysia yang disiarkan secara langsung melalui unifi TV di HyppSensasi, saluran 116.</p> <p>Penonton rancangan ini berpeluang memenangi hadiah wang tunai berjumlah sehingga RM20,000 setiap hari dengan menjawab soalan-soalan yang diberikan pada setiap episod menggunakan alat kawalan jauh unifi TV.</p>
2.0	MENONTON DAN MENYERTAI RANCANGAN TEKA TEKAN	
2(a)	Bagaimanakah saya boleh menonton rancangan Teka Tekan?	Rancangan Teka Tekan boleh ditonton melalui unifi TV di HyppSensasi, saluran 116.
2 (b)	Bagaimanakah saya boleh menonton saluran HyppSensasi?	<p>Saluran HyppSensasi boleh ditonton melalui medium berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Di unifi TV, saluran 116 melalui Set-Top-Box (STB) bagi pelanggan unifi dan Broadband (8Mbps & 4Mbps); ii. Aplikasi unifi playTV bagi pelanggan unifi dan Broadband (8Mbps & 4Mbps); dan iii. Aplikasi unifi playTV bagi bukan pelanggan TM
2(c)	Adakah saya perlu melanggan saluran HyppSensasi?	<p>HyppSensasi merupakan saluran berbayar di unifi TV dan unifi playTV (bukan pelanggan unifi TV). Untuk menikmati saluran ini, pelanggan perlu melanggan secara A la Carte atau menerusi langganan pek Aneka unifi TV.</p> <p>Walaupun bagaimanapun, buat masa ini Saluran HyppSensasi diberi secara percuma kepada semua pelanggan TM melalui STB unifi TV atau aplikasi unifi playTV sehingga dimaklumkan kelak.</p>
2 (d)	Bilakah rancangan Teka Tekan ini akan mula disiarkan?	Bermula 5 Mac 2018, rancangan Teka Tekan ini akan bersiaran setiap hari Isnin hingga Khamis, dari jam 9.00 malam – 9.30 malam di HyppSensasi, Saluran 116.
2(e)	Bolehkah saya menonton siaran ulangan rancangan Teka Tekan ini?	Siaran ulangan setiap episod boleh ditonton pada keesokan harinya di HyppSensasi, Saluran 116

2(f)	Apakah syarat untuk menyertai dan memenangi rancangan Teka Tekan ini?	<p>Semua pelanggan unifi TV layak menyertainya kecuali beberapa kategori pelanggan seperti berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> i. Kakitangan tetap atau kontrak, atau di bawah program SL1M, atau kakitangan pelatih syarikat Kumpulan Telekom Malaysia Berhad (termasuk anak syarikat, pejabat operasi tempatan dan syarikat-syarikat berkaitan). Bagaimanapun, ahli keluarga kakitangan TM yang menepati syarat & kelayakan boleh menyertai dan memenangi hadiah dalam rancangan ini. ii. Kakitangan produksi syarikat penerbitan TEKA TEKAN; iii. Ahli keluarga kakitangan produksi syarikat penerbitan TEKA TEKAN.
2 (g)	Bagaimanakah jika saya ingin menyertai rancangan Teka Tekan?	<ol style="list-style-type: none"> i. Tonton rancangan Teka Tekan secara langsung pada setiap hari Isnin sehingga Khamis jam 9.00 malam di HyppSensasi, Saluran 116. ii. Jawab kesemua 5 soalan yang dikemukakan oleh pengacara. iii. Untuk menjawab, penonton hendaklah menekan butang # pada alat kawalan jauh unifi TV dan seterusnya menjawab soalan dengan menekan salah satu daripada 4 butang warna pada alat kawalan jauh unifi TV untuk menghantar jawapan tersebut; iv. Setiap soalan perlu dijawab dalam masa 45 saat. v. Selepas menjawab setiap soalan, satu notifikasi akan dipaparkan pada skrin TV sebagai pengesahan bahawa jawapan peserta telah diterima oleh sistem. vi. Notifikasi akan dihantar bagi setiap jawapan yang dihantar pada pertama kali sahaja. Jawapan-jawapan lain yang dihantar untuk soalan yang sama selepas jawapan pertama dihantar tidak akan diterima. vii. Peserta yang menjawab kelima-lima soalan dengan betul akan dipilih sebagai pemenang. viii. Pengguna aplikasi unifi playTV hanya boleh menonton rancangan Teka Tekan tetapi untuk menyertainya, mereka perlu menggunakan alat kawalan jauh unifi TV melalui STB.

2 (h)	Apakah jenis soalan yang akan dikemukakan?	Soalan yang akan diberikan adalah secara rawak meliputi isu-isu semasa, sukan, hiburan, sejarah, pengetahuan am, program-program yang disiarkan di HyppSensasi dan lain-lain topik yang ditentukan oleh pihak TM dari masa ke semasa.
2(i)	Di manakah dan bagaimanakah untuk saya tahu sekiranya saya adalah pemenang rancangan ini?	<p>Untuk mengetahui sekiranya anda adalah pemenang rancangan ini, para peserta boleh membuat semakan pada hari yang sama melalui:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Saluran Interaktif unifi TV Saluran 900 atau menggunakan alat kawalan jauh unifi TV dengan menekan butang "i" dan pilih kategori Teka Tekan bermula jam 10.30 malam (nama pemenang akan tersenarai selama 7 hari selepas keputusan pemenang diumumkan); atau ii. Di laman web rasmi Teka Tekan http://tekatekan.unifi.com.my bermula 10.30 malam (nama pemenang akan tersenarai selama 3 bulan selepas keputusan pemenang diumumkan); atau iii. HyppSensasi Saluran 116 bermula 10.30 malam selepas episode siaran langsung
2(j)	Bagaimanakah pemenang akan dipilih?	<p>Mana-mana peserta yang menghantar jawapan yang betul untuk kesemua soalan yang diberikan bagi satu-satu episod boleh dipilih sebagai pemenang.</p> <p>Pemenang akan dipilih dari pemegang akaun unifi TV yang berdaftar dengan TM sahaja.</p> <p>Contoh:</p> <p>Sekiranya A menyertai peraduan ini menggunakan akaun unifi TV yang didaftarkan di atas nama B, nama B selaku pemegang akaun berdaftar akan dikenalpasti sebagai pemenang dan cek hadiah wang tunai akan dikeluarkan atas nama B sahaja.</p> <p>Untuk makluman, akaun unifi TV yang didaftarkan di bawah nama kakitangan Telekom Malaysia Berhad tidak layak untuk dipilih sebagai pemenang. Sila rujuk butiran 2.f dan terma dan syarat untuk maklumat lanjut.</p>
2(k)	Saya mempunyai beberapa akaun unifi di bawah nama saya, bolehkan saya menang	Anda boleh menyertai rancangan ini melalui semua akaun yang anda miliki tetapi hanya satu (1) akaun sahaja yang akan dipilih sebagai pemenang bagi setiap episod.

	untuk setiap akaun yang saya miliki?	
2(l)	Adakah saya layak untuk menang sekiranya saya pernah menang dalam episod yang lepas?	<p>Setiap peserta layak untuk menang sekiranya berjaya menjawab dengan tepat untuk semua soalan yang diberikan dalam setiap episod. Tiada halangan bagi seseorang peserta untuk menang lebih daripada sekali. Walau bagaimanapun, setiap pelanggan unifi TV hanya layak untuk memenangi satu hadiah sahaja bagi setiap episod.</p> <p>Semua pemenang yang dipilih layak memenangi hadiah maksimum RM10,000.00 setiap minggu. Jika terdapat hanya satu (1) pemenang yang dipilih untuk suatu episod, pemenang tersebut berhak untuk membawa pulang jumlah maksimum RM20,000.00. Walau bagaimanapun, pemenang tersebut tidak lagi layak untuk memenangi sebarang hadiah untuk mana-mana episod lain dalam minggu yang sama.</p> <p>Contoh: <u>Senario 1</u> A memenangi RM4, 000.00 pada hari Isnin, RM5, 000.00 pada hari Selasa dan RM3, 000.00 pada hari Khamis. Walaupun jumlah hadiah harian yang dimenangi oleh A untuk minggu tersebut adalah sebanyak RM12, 000.00, A hanya layak untuk membawa pulang hadiah wang tunai sebanyak RM10, 000.00 sahaja.</p> <u>Senario 2</u> A telah dipilih sebagai satu-satunya pemenang dalam episod pada hari Selasa. Oleh itu, A berhak membawa pulang hadiah wang tunai maksimum sebanyak RM20,000.00. Walau bagaimanapun, A tidak lagi layak untuk memenangi sebarang hadiah harian untuk mana-mana episod lain dalam minggu tersebut walaupun A berjaya menjawab kesemua soalan yang diberikan dengan betul.
3.0	HADIAH RANCANGAN TEKA TEKAN DAN URUSAN TUNTUTAN HADIAH	
3(a)	Apakah hadiah yang disediakan untuk para peserta?	<p>Para peserta berpeluang untuk memenangi hadiah wang tunai dengan jumlah maksimum sebanyak RM20,000 setiap hari. Hadiah bernilai sehingga RM20,000 untuk setiap episod ini akan dibahagikan secara sama rata di antara semua pemenang. Oleh yang demikian, nilai hadiah bagi setiap episod mungkin</p>

		<p>berbeza mengikut jumlah pemenang pada episod berkenaan.</p> <p>Contoh:</p> <p>Pada hari tersebut, terdapat 60 orang peserta yang berjaya menjawab kesemua soalan dengan tepat, maka hadiah wang tunai berjumlah RM20,000 itu akan dibahagikan kepada 60 orang pemenang tersebut secara sama rata. Ini bermakna setiap seorang daripada 60 orang pemenang tersebut akan menerima hadiah wang tunai sebanyak RM333.33.</p>
3(b)	<p>Apakah yang akan berlaku kepada hadiah tersebut sekiranya tiada pemenang pada satu episod?</p>	<p>Sekiranya tiada pemenang pada hari tersebut, maka nilai hadiah akan dibawa ke hari berikutnya. Bermakna penambahan hadiah akan berlaku pada setiap episod sekiranya tiada pemenang pada episod yang lepas.</p> <p>Walau bagaimanapun, pertambahan jumlah hadiah tidak akan dibawa ke minggu berikutnya. Ini bermakna sekiranya tiada pemenang pada minggu tersebut, maka nilai hadiah terkumpul itu TIDAK akan dibawa ke minggu hadapan.</p> <p>Contoh:</p> <p>Tiada pemenang bagi hari Isnin, minggu pertama, hadiah wang tunai RM20,000 untuk hari Isnin akan dibawa ke hari Selasa, menjadikan hadiah wang tunai untuk dimenangi pada hari Selasa adalah RM40,000 dan seterusnya sehingga hari Jumaat. Walau bagaimanapun, sekiranya tiada pemenang sehingga atau pada hari Jumaat minggu pertama, maka hadiah wang tunai yang terkumpul pada minggu tersebut tidak akan dibawa ke minggu kedua. Hadiah wang tunai untuk dimenangi pada hari Isnin minggu kedua adalah sebanyak RM20,000 sahaja.</p>
3(c)	<p>Bagaimanakah untuk menuntut hadiah wang tunai setelah diumumkan sebagai pemenang?</p>	<p>Hadiah hanya boleh dituntut pada hari Jumaat, 3 minggu selepas dari tarikh episod yang dimenangi.</p> <p>Hadiah akan diserahkan kepada para pemenang dalam bentuk cek berpalang.</p> <p>Para pemenang boleh menuntut hadiah tersebut di Lobi Menara TM pada setiap hari Jumaat, dari jam 10.00 pagi hingga 12.00 tengahari sahaja.</p> <p>Berikut adalah alamat rasmi ibu pejabat TM:</p>

		Menara TM, Jalan Pantai Baharu, 50672, Kuala Lumpur.
3(d)	Apakah yang perlu dibawa oleh pemenang untuk menuntut cek di Menara TM?	<p>i. Sebelum tuntutan dibuat, pemenang perlu memastikan nama mereka telah tersenarai sebagai pemenang melalui saluran-saluran yang dinyatakan di butiran 2(i).</p> <p>ii. Semasa membuat tuntutan hadiah, pemenang perlu mempamerkan kad pengenalan, atau bukti pengenalan diri yang digunakan semasa memohon untuk melanggan perkhidmatan unifi.</p>
3(e)	Adakah pemberian cek boleh dihantar melalui pos atau medium lain kepada pemenang?	Cek HANYA akan diberikan kepada pemenang melalui serahan tangan sahaja.
3(d)	Adakah pemenang boleh mewakili orang lain untuk mengambil cek tersebut?	<p>Sekiranya pemenang tidak dapat hadir dan perlu menghantar wakil untuk menuntut cek tersebut, wakil tersebut dikehendaki membawa dokumen berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Surat wakil kuasa yang ditandatangani oleh pemenang yang memberi kebenaran kepada wakil untuk menuntut cek bagi pihak pemenang; dan • Satu salinan kad pengenalan pemenang bagi tujuan pengesahan. <p>Pihak penganjur tidak akan melayan sebarang tuntutan hadiah dari wakil pemenang sekiranya dokumen-dokumen di atas gagal diserahkan oleh wakil yang hadir.</p>
4.0	LAIN – LAIN PERKARA BERKAITAN	
4(a)	Saya tidak mempunyai unifi TV Set Top Box (STB) di rumah, bagaimanakah saya boleh mendapatkan STB tersebut?	STB boleh diperolehi melalui proses penggantian atau permohonan baharu dengan menghubungi Pusat Panggilan TM di talian 100.
4(b)	Alat Kawalan Jauh unifi TV saya telah rosak/hilang, di manakah saya boleh mendapatkan yang baharu?	Alat Kawalan Jauh unifi TV boleh dibeli di TMpoint seluruh negara pada harga RM26.50 seunit.

4(c)	Sekiranya saya masih memerlukan keterangan lanjut mengenai rancangan Teka Tekan atau sebarang perkhidmatan TM, apakah yang saya perlu lakukan?	Untuk maklumat lanjut mengenai rancangan Teka Tekan, sila layari unifi.com.my/tv atau hubungi Pusat Panggilan TM di talian 100.
------	---	--